

Headline	Industri perabot terus kukuh		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Nov 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	232 cm ²
Journalist	MOHAMMAD YASIR JAAFAR	AdValue	RM 3,051
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,153



Industri perabot terus kukuh

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
ekonomi@utusan.com.my

■ **TELOK KEMANG 26 NOV.**

PERKEMBANGAN industri perabot negara mampu dikukuhkan menerusi peningkatan nilai eksport produk tempatan ke peringkat global secara konsisten dari tahun ke tahun.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, industri perabot merupakan sektor hiliran yang berkembang dengan menyaksikan jumlah eksport produk itu meningkat melebihi RM6.2 bilion setahun sejak 2007 sehingga tahun lalu.

Katanya, hasil eksport perabot menyumbang sehingga 33 peratus daripada jumlah eksport kayu-kayuan setiap tahun sejak 13 tahun lalu.

“Nilai eksport perabot semakin meningkat daripada RM5.08 bilion pada tahun 2001 kepada RM8.71 bilion tujuh tahun kemudian dan menurun sedikit kepada RM7.62 bilion pada 2009 ekoran penurunan pasaran ekonomi global.



Nilai eksport perabot semakin meningkat daripada RM5.08 bilion pada tahun 2001 kepada RM8.71 bilion tujuh tahun kemudian dan menurun sedikit kepada RM7.62 bilion pada 2009 ekoran penurunan pasaran ekonomi global.”

ABD. LATIF MOHMOD
Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

“Namun, nilai eksport produk berkenaan meningkat semula pada 2012 kepada RM8.02 bilion,” katanya pada sidang akhbar sempena Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah

Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Ibrahim Ahmad dan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Dr. Jalaluddin Harun.

Jelas Abd. Latif, sehingga kini terdapat 1,895 kilang perabot di seluruh negara yang menghasilkan perabot berasaskan kayu bertujuan memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Tambahnya, penekanan kepada reka bentuk yang dinamik, bekalan bahan mentah yang berkekalan serta penggunaan teknologi terkini perlu diberi perhatian bagi menjamin pasaran baharu sentiasa wujud demi kelestarian industri perabot.

“FRIM sedia berkongsi kepakaran dan pengalamannya dalam bidang reka bentuk dan bahan mentah serta ujian perabot bagi menjamin kualiti sesuatu perabot mencapai tahap piawaian antarabangsa,” ujarnya.

Dalam pada itu, Jalaluddin berkata, menjelang tahun 2020, Malaysia dijangka mengeksport kayu-kayuan termasuk produk perabot berasaskan kayu bernilai RM53 bilion dan daripada jumlah itu sasaran eksport perabot adalah RM16 bilion.